

28 OCT 1996

CUEPACS TEMUI PM ESOK

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Pemangku Presiden Cuepacs, Abdul Aziz Mohd Sultan akan mengetuai 13 anggota Majlis Tertinggi kongres itu dalam pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok bagi membincangkan pelbagai isu yang melibatkan pekerja sektor awam.

Setiausaha Agung Cuepacs, N. Sivasubramaniam berkata pertemuan itu akan diadakan di pejabat Perdana Menteri pada kira-kira pukul 10.30 pagi.

Beliau berkata Cuepacs akan menemui Perdana Menteri dengan hati yang terbuka dan akan mengadakan perbincangan dari hati ke hati mengenai pelbagai isu dalam sektor awam serta peranan yang boleh dimainkan oleh Cuepacs dalam pembangunan negara.

"Sungguhpun kami mengharapkan sesuatu daripada pertemuan itu tetapi ianya bukan merupakan syarat pertemuan biarpun kami akan menyuarakan beberapa perkara termasuk mengenai perkiraan pencen, imbuhan tetap perumahan dan pelaksanaan gaji matriks," katanya kepada Bernama.

Sivasubramaniam berkata Cuepacs akan mendengar pendapat Dr Mahathir mengenai isu yang akan dikemukakan itu dan akan patuh dengan sebarang keputusan yang dibuat berikutan pertemuan itu. -- Bernama

AKT OBA